



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL. 02 TAHUN 2014**

**OPERASI PERKHIDMATAN BAS EKSPRES DI BANDARAYA IPOH -
MENGAMBIL DAN MENURUNKAN PENUMPANG DI TERMINAL AMAN JAYA**

TARIKH: 29 JANUARI 2014

OPERASI PERKHIDMATAN BAS EKSPRES DI BANDARAYA IPOH - MENGAMBIL DAN MENURUNKAN PENUMPANG DI TERMINAL AMAN JAYA

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pengendali perkhidmatan bas ekspres yang beroperasi di Bandaraya Ipoh untuk hanya mengambil dan menurunkan penumpang di Terminal Aman Jaya sahaja.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) sedang dalam usaha untuk melaksanakan beberapa inisiatif transformasi pengangkutan awam darat yang bertujuan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.
- 2.2 Selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Perak untuk mengintegrasikan perkhidmatan bas ekspres di Bandaraya Ipoh, S.P.A.D. dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak dan Majlis Bandaraya Ipoh telah memutuskan bahawa semua pengendali perkhidmatan bas ekspres yang memberi perkhidmatan bas ekspres di Bandaraya Ipoh hanya boleh mengambil dan menurunkan penumpang di Terminal Aman Jaya sahaja.
- 2.3 Pelaksanaan ini adalah bertujuan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna meliputi aspek keselesaan di terminal, keselamatan, informasi perjalanan yang

lengkap dan jaringan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih baik.

3. PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

3.1 Mengambil Dan Menurunkan Penumpang

3.1.1 Semua pengendali perkhidmatan bas ekspres yang memberi perkhidmatan dari dan ke Bandaraya Ipoh hendaklah mengambil dan menurunkan penumpang di Terminal Aman Jaya sahaja kecuali kes-kes tertentu dengan kebenaran bertulis daripada S.P.A.D.

3.1.2 Adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 22(3) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 sekiranya mana-mana pengendali berlesen bas ekspres gagal untuk mematuhi arahan pengoperasian di Terminal Aman Jaya ini dan boleh, jika disabitkan kesalahan didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

3.2 Bagi memberi kemudahan kepada pengguna dan penyediaan salinghubung di antara Bandaraya Ipoh dan Terminal Aman Jaya, perkhidmatan “*shuttle bus*” telah disediakan bermula 2 Disember 2013 di empat laluan seperti berikut:

- i. Dari Terminal Aman Jaya ke Jalan CM Yusoff melalui Jalan Jelapang - Jalan Silibin - Jalan Kidd - Jalan Bendahara - Jalan CM Yusof;

- ii. Dari Terminal Aman Jaya ke Sri Ampang melalui Jalan Langsat (Kinta City Jusco, Ipoh Garden) - Jalan Raja Musa Mahadi - Politeknik Ungku Omar, Taman Cempaka - Persiaran Wira Jaya Barat 32 (Taman Sri Ampang);
- iii. Dari Terminal Aman Jaya ke Bercham melalui Jalan Tasek (Tesco Extra) - Jalan Bercham - Desa Kenchana - Taman Ramai, Bercham; dan
- iv. Dari Terminal Aman Jaya ke Medan Gopeng melalui Jalan Langsat (Kinta City Jusco, Ipoh Garden) - Taman Cempaka - Medan Gopeng, Jalan Raja Dr. Nazrin Shah.

Perkhidmatan “*shuttle bus*” tersebut akan dikaji dan ditambahbaik mengikut keperluan, dari masa ke semasa.

4. TARIKH KUATKUASA PEKELILING

Arahan pekeliling ini berkuat kuasa mulai **17 Februari 2014**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat